

# NAM bukan medan hentam Amerika: PM

## Sidang mewakili suara negara membangun, perlu pembelaan

Daripada Ahmad Zaini Kamaruzzaman di Havana, Cuba

**S**IDANG Kemuncak Pergerakan Negara Negara Berkecuali (NAM) ke-14 yang berakhir di sini semalam, bukan medan menghentam Amerika Syarikat (AS) seperti didakwa pelbagai media Barat, sebaliknya perlu dilihat dalam konteks lebih menyeluruh, iaitu mewakili suara pertubuhan berkenaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi:

Perdana Menteri yang menyerahkan jawatan pengerusi NAM kepada Cuba pada Jumaat lalu berkata, pergerakan itu tidak anti-AS atau negara tertentu, sebaliknya mewakili negara yang kebanyakannya negara membangun yang memerlukan pembelaan dan tidak ditekan kuasa besar dunia.

"Kita tidak berkonfrontasi dengan AS atau mana-mana negara. Kita membangkitkan pelbagai isu yang ada kaitan dengan negara anggota. Kita mahu memastikan kedaulatan dan kemerdekaan negara tidak digugat.

"Namun, ketika bercakap mengenai kepentingan negara anggota, kita tidak dapat mengelakkan daripada mengaitkannya dengan negara lain (bukan anggota) khususnya yang ada kaitan dengan isu antarabangsa.

"Kita juga bertindak berdasarkan sesuatu isu yang ada kaitan dengan kita katanya pada sidang media bersama media antarabangsa di Pusat Media Antarabangsa, di sini, semalam.

Abdullah ditanya wakil media asing berhubung ucapan beberapa pemimpin seperti Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad dan Presiden Venezuela, Hugo Chavez yang mengkritik kepemimpinan Presiden George Hush serta dasar negara itu terhadap beberapa isu termasuk keganasan antarabangsa dan isu nuklear.

Beberapa akhbar dan agensi berita barat, termasuk *Washington Post* mengkritik NAM kerana menjadikan sidang kemuncak dua hari itu sebagai medan menghentam AS dan sekutunya serta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Abdullah juga berkata, NAM ada-

lah kumpulan berasingan dengan kumpulan, lain dan perlu membincangkan pelbagai isu sesama sendiri berdasarkan prinsip pergerakan itu demi kepentingan bersama dan mengemukakannya kepada pergerakan atau pertubuhan lain seperti PBB'.

*Ketika bercakap mengenai kepentingan negara anggota, kita tidak dapat mengelak daripada mengaitkannya dengan negara bukan anggota khususnya isu antarabangsa"*

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

Abdullah juga menegaskan bahawa NAM masih relevan dan berupaya meneruskan peranannya untuk membantu negara anggota tetapi perlu sentiasa dinamik dan disuburi selaras perkembangan semasa terutama dalam dalam era globalisasi sekarang.

NAM perlu mendapat pengiktirafan serta mempunyai peranan untuk menghadapi pelbagai isu yang mengekang mereka dalam pelbagai bidang. Saya gembira dengan persidangan kali ini yang berjalan lancar," katanya.

Beliau juga berkata, sumbangan Malaysia sepanjang menerajui NAM selama tiga tahun tujuh bulan sejak 2003 mendapat penghargaan negara anggota dan mengiktiraf peranan negara menggerakkan dan menyuburkan pergerakan itu.

Ditanya mengenai sumbangan yang boleh diberikan oleh Malaysia untuk kepentingan negara Selatan. Perdana Menteri berkata, banyak yang dilakukan Malaysia sejak dulu, termasuk meningkatkan hubungan dua hala serta memberikan bantuan.